

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

**DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN:-**

- (a)Apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk oleh Kerajaan bagi melahirakan lebih ramai lagi usahawan tani muda; dan
- (b)Apakah langkah strategik yang akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu negara menangani isu sekuriti makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, golongan muda merupakan salah satu kumpulan sasar yang difokuskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0). Melalui DAN 2.0, MAFI memberikan perhatian khusus untuk menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan negara.

DAN 2.0 menggariskan beberapa pelan tindakan bagi menarik dan mengekalkan bakat-bakat muda dalam sektor pertanian, antaranya adalah:

- a) Menjenamakan semula agromakanan dengan pertanian moden untuk menggalakkan penglibatan bakat muda;
- b) Mewujudkan sumber tenaga industri yang optimum melalui pengintegrasian siswazah dan pekerjaan sebenar dengan latihan amali dan perantisan; dan
- c) Meningkatkan pendedahan generasi muda kepada aktiviti pertanian melalui pendidikan bersasar.

Selain itu, MAFI juga melaksanakan Program Agropreneur Muda bagi membantu golongan muda dalam sektor pertanian dan agromakanan sebagai usahawan. Program ini khusus bagi belia berumur 18 hingga 40 tahun yang memerlukan bantuan geran dalam bentuk barangan sehingga RM20,000 dan pinjaman sehingga RM500,000. Sejak tahun 2016 hingga Oktober 2021, MAFI telah membantu seramai 7,528 orang melalui Geran Agropreneur Muda berjumlah RM134 juta. Manakala, seramai 165 orang telah diluluskan pinjaman melalui Agrobank dan TEKUN dengan jumlah pembiayaan RM23 juta.

MAFI akan terus menerajui agenda sekuriti makanan menerusi Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 secara kerjasama merentasi agensi dan kementerian.

SOALAN NO : 256

Beraspirasikan pendekatan *whole of society*, Pelan Tindakan DSMN yang merangkumi lima (5) Teras Strategik, 15 Strategi dan 96 Inisiatif ini menterjemah peranan meluas pelbagai pihak seperti pemain industri, ahli akademik, badan bukan kerajaan (NGO) serta rakyat dalam memastikan strategi-strategi yang dirangka dapat dilaksanakan dengan jayanya. Antara strategi-strategi utama yang digariskan termasuk usaha untuk:

- a) memperluaskan adaptasi teknologi dalam sistem makanan sebagai langkah pragmatik untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti sistem ini, berteraskan skala ekonomikal dan pertanian mampan;
- b) memperkasa penyelidikan dan pembangunan berteraskan sekuriti makanan ke arah meningkatkan kapasiti pengeluaran makanan dan input pertanian seperti makanan ternakan, baka dan benih berkualiti secara domestik;
- c) memperkasa ketersediaan data sekuriti makanan bagi mengenal pasti dan memantau tahap sekuriti makanan penduduk Malaysia berdasarkan lokaliti;
- d) mendukung aspirasi "*Food Security as a Shared Responsibility*" dengan memfokuskan usaha untuk memperluas kolaborasi strategik berteraskan sekuriti makanan antara kementerian, kerajaan-kerajaan negeri dan juga sektor swasta; dan
- e) memperkukuh tadbir urus merentas Jabatan dan Agensi untuk merapatkan jurang dalam sistem makanan bagi meningkatkan kecekapan pemantauan sekuriti makanan negara.

Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 ini dapat menyumbang kepada pengukuhan sistem makanan negara bagi menjamin kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
(PARIT)**

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA [PARIT] minta **MENTERI
DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) berapa jumlah kes penyalahgunaan pas lawatan kerja sementara (PLKS) yang telah direkodkan sehingga kini ; dan

(b) apakah usaha dilaksanakan bagi mengkaji kelemahan dalam pengurusan pekerja asing kerana terdapat laporan berkenaan pekerja asing yang membuka syarikat dan kilang sendiri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan keselamatan negara diutamakan dengan melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan bagi mengesan warganegara asing yang melanggar syarat pas-pas imigresen di bawah Peraturan 39(b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 serta dikategorikan sebagai pendatang asing tanpa izin (PATI) di negara ini.

Jumlah tangkapan PATI yang melakukan kesalahan melanggar syarat Pas di bawah Peraturan 39(b), Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 mengikut tahun adalah seperti berikut:

- i) tahun 2019 – 2,987 orang;
- ii) tahun 2020 – 867 orang; dan
- iii) tahun 2021 (sehingga 31 Ogos 2021) – 220 orang.

Merujuk kepada persoalan Ahli Yang Berhormat mengenai kelemahan dalam pengurusan pekerja asing, antara usaha-usaha yang dilakukan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi menangani isu tersebut adalah seperti berikut:

- (i) menetapkan syarat dan peraturan yang ketat kepada Pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Pekerja asing yang

memegang PLKS adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut:

- (a) pekerja tidak layak membawa masuk keluarga untuk tinggal di negara ini;
 - (b) pekerja tidak dibenarkan bekerja sebagai barisan hadapan (*frontliner*);
 - (c) pekerja tidak dibenarkan bertukar majikan atau bertukar sektor pekerjaan;
 - (d) pekerja tidak dibenarkan berkahwin dengan warganegara Malaysia atau warganegara asing sepanjang memegang PLKS; dan
 - (e) majikan hendaklah memastikan supaya pekerja asing yang tamat tempoh perkhidmatan dihantar pulang ke negara asal dengan memohon Memo Periksa Keluar. Wang cagaran/ jaminan bank hanya boleh dituntut sekiranya pekerja disahkan keluar secara teratur dengan Memo Periksa Keluar.
- (ii) pekerja asing diwajibkan menjalani kursus orientasi/induksi berkaitan bahasa, budaya dan adat-resam, undang-undang serta peraturan perburuhan dan imigresen (di bawah dasar Kementerian Sumber Manusia) bagi memberi pengetahuan dan kesedaran kepada pekerja asing;
- (iii) mengadakan kerjasama strategik dengan pihak berkuasa tempatan seperti sesi dialog, seminar, mesyuarat dan aktiviti penguatkuasaan bersepadu;

SOALAN NO: 257

- (iv) menjalankan siasatan dan menyalurkan aduan-aduan daripada pihak berkuasa tempatan untuk tindakan penguatkuasaan;
- (v) mengambil tindakan penguatkuasaan dan jika disabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman seperti memasuki dan tinggal di Malaysia tanpa permit dan pas yang sah adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 boleh didenda tidak kurang RM10,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya sekali, dan juga boleh dihukum sebat tidak lebih 6 sebatan; dan
- (vi) mengambil tindakan kepada mana-mana orang yang membenarkan PATI memasuki atau berada di dalam premis yang ianya mempunyai kepentingan sebagai penyelia atau pengurus atau mempunyai kawalan ke atas mana-mana premis tersebut, boleh disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63 dengan denda tidak kurang daripada RM5,000.00 dan tidak lebih daripada RM30,000.00 atau penjara tidak lebih 12 bulan atau kedua-duanya sekali bagi setiap PATI. Bagi kesalahan kedua atau seterusnya, denda tidak kurang RM10,000.00 tetapi tidak lebih RM60,000.00 atau penjara tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya sekali bagi setiap PATI.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAPAN BERTULIS

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

SOALAN

DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA minta **MENTERI
KESIHATAN** menyatakan:

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengatasi masalah diskriminasi yang dihadapi oleh bekas pesakit COVID-19; dan
- (b) bagi manakah Kementerian dapat membantu bekas pesakit COVID-19 ini bagi mengelakkan mereka mengalami tekanan perasaan akibat daripada diskriminasi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

1. Pandemik COVID-19 yang membataskan kebiasaan aktiviti di kalangan masyarakat telah memberi impak kepada kesihatan mental di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Kesan terhadap mental bukan sahaja dialami oleh pesakit COVID-19 malah impak pandemik juga turut dirasakan oleh pelbagai lapisan masyarakat.

2. Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil berat tentang masalah kesihatan mental akibat daripada pandemik COVID-19. Secara umumnya faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada pemasalahan kesihatan mental masyarakat antaranya adalah masalah atau krisis kewangan, tiada pekerjaan, stres pekerjaan, isu dan permasalahan keluarga seperti masalah hubungan, penceraian, kurang kemahiran keibubapaan, keganasan, penyalahgunaan substans dan faktor persekitaran. Mengambil kira kesan pandemik terhadap kesihatan mental di kalangan masyarakat, KKM turut menambah baik perkhidmatan kesihatan mental melalui inisiatif berikut:

i. **Meningkatkan pelaksanaan perkhidmatan sokongan kesihatan mental dan psikososial melalui peluasan Talian Bantuan Sokongan Psikososial**

Talian Bantuan Sokongan Psikososial diwujudkan bagi memberi bantuan sokongan emosi dan psikososial kepada mereka yang terkesan. Dari 1 Januari 2021 sehingga 10 Oktober 2021 secara kumulatifnya, sebanyak 185,360 panggilan telah diterima oleh Talian Bantuan Sokongan Psikososial. Daripada jumlah panggilan tersebut, sebanyak 82.1% adalah terdiri dari isu-isu yang memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.

Perkhidmatan Talian Bantuan Sokongan Psikososial ini dapat membantu rakyat dalam menghubungkan individu-individu yang memerlukan pertolongan dan rawatan lanjut dari aspek – aspek yang melibatkan isu- isu penderaan, penjagaan anak,

krisis kewangan, rujukan kepada pakar yang melibatkan masalah kesihatan fizikal dan mental.

- ii. **Memperkukuhkan program promosi dan pencegahan kesihatan mental di peringkat primer** termasuk perkhidmatan saringan, intervensi dan rawatan kesihatan mental bagi meningkatkan pengesanan awal individu yang mengalami masalah kesihatan mental.

- iii. **Sesi libat urus (*engagement*)** yang dilaksanakan bersama pelbagai Kementerian dan agensi seperti Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, JAKIM, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, PDRM, Jabatan Bomba dan NGO-NGO bagi menangani isu permasalahan kesihatan mental secara bersepadu.

Sekian, terima kasih.